



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS SAMBUTAN ISRA' MI'RAJ  
BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN  
DI DALAMNYA BAGI TAHUN 1444H/2023M**

**Hari Isnin, 6 Sya'ban 1444H / 27 Februari 2023M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Sambutan Isra' Mi'raj bagi Tahun 1444H/2023M pada hari Isnin, 6 Sya'ban 1444H bersamaan 27 Februari 2023M bertempat di Surau, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (HMSF).

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Selawat Ibrahimiyah dan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Muhd Yussof bin Haji Abdul Majid, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diakhiri dengan solat fardhu Asar berjemaah.

Majlis ini adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan Sambutan Isra' Mi'raj, di samping mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 06 Sya'ban 1444H  
27 Februari 2023M